

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful /Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai pelan Etiqa Critical Care Takaful Plus. Anda juga diminta untuk membaca terma dan syarat amnya.	Etiqa Critical Care Takaful Plus
	<Tarikh>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Etiqa Critical Care Takaful Plus ialah satu pelan Takaful memberi manfaat penyakit kritikal sehingga umur 70 tahun. Di samping itu, pelan ini juga memberi manfaat penjagaan kanser dan elaun tunai penyakit berjangkit.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

a) Tabarru'

Pelan ini menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta, jika diperlukan.

b) Wakalah

Pelan ini juga menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak peserta untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk membenarkan kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap peserta.

c) Dana Risiko Peserta (DRP)

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan daripada DRP diperuntukkan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan atas pengagihan perkongsian lebihan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No.	Perlindungan/Manfaat	Huraian Manfaat
1	Manfaat Penyakit Kritikal	<p>Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi (kecuali Kanser Berperingkat Awal, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Mellitus) dalam tempoh perlindungan dan masih hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh diagnosis, yang berikut akan dibayar secara sekaligus:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Jumlah yang dilindungi sebanyak RM <sum covered>; dan 2) Lebihan DRP (jika ada). <p>Untuk Kanser Berperingkat Awal, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Mellitus, jumlah yang berikut akan dibayar secara sekaligus:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) 10% daripada jumlah yang dilindungi sebanyak RM <sum covered>; atau 2) RM25,000; <p>mana-mana yang lebih rendah.</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil ini akan ditamatkan selepas pembayaran manfaat penyakit kritikal (kecuali Kanser Berperingkat Awal, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri

		<p>Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Mellitus), dan tiada manfaat lain yang akan dibayar selepas itu.</p> <p>b) Bagi Kanser Berperingkat Awal, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Mellitus, setiap penyakit yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja. Pembayaran ini akan mengurangkan jumlah yang dilindungi, dan sijil ini akan terus berkuatkuasa.</p> <p>c) Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk senarai penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi.</p>
2	Manfaat Penjagaan Kanser	<p>Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan kanser dan hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarkh diagnosis, tambahan 50% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat penyakit kritikal.</p> <p>Nota:</p> <p>a) Kanser adalah salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi di bawah manfaat penyakit kritikal.</p> <p>b) Sila rujuk kepada sijil untuk definisi Kanser yang terperinci.</p> <p>c) Bayaran manfaat ini tidak akan mengurangkan jumlah yang dilindungi sijil ini.</p>
3	Elaun Tunai Penyakit Berjangkit	<p>Manfaat tunai sebanyak RM300 akan dibayar sekali gus sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dan dimasukkan ke hospital di Malaysia disebabkan oleh penyakit berjangkit yang dilindungi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. COVID-19; 2. Denggi; atau 3. Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang. <p>Manfaat ini akan dibayar sehingga 2 kali sepanjang tempoh sijil, tertakluk kepada 1 tuntutan setiap sijil dalam satu tahun sijil dan RM3,000 setiap hayat.</p>

Peringatan: Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk jumlah yang dilindungi, tempoh perlindungan dan butiran tempoh pembayaran sumbangan sijil anda. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (lajari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Anggaran sumbangan tahun pertama yang perlu anda bayar ialah < RM contribution>. Tempoh sijil dan tempoh pembayaran sumbangan ialah <tempoh> tahun.

Sumbangan yang ditunjukkan adalah berdasarkan umur yang telah dicapai anda (hari jadi berikutnya) pada tarikh permulaan sijil, dan akan berubah berdasarkan umur yang telah dicapai pada tahun sijil semasa. Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan Kami berhak untuk mengubah kadar sumbangan dengan memberikan notis 3 bulan lebih awal.

Semua sumbangan (jika berkenaan) adalah tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percuaihan Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Fi Wakalah adalah penolakan 25% dari sumbangan pada setiap tahun bagi setiap sijil. Jumlah fi Wakalah yang anda perlu bayar adalah RM<total wakalah amount> atau <total wakalah percentage>% dari jumlah sumbangan sepanjang <certificate term> tahun. Tiada komisen di caj ke atas produk ini, seluruh fi Wakalah dibayar kepada Kami bagi tujuan menanggung kos pengurusan pelan ini.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- a) Kepentingan Pendedahan - Untuk membantu Kami membuat keputusan yang tepat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma sijil anda, anda dikehendaki menyatakan semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkenaan) dan umur dengan betul. Sekiranya maklumat yang berkenaan disembunyikan atau didapati tidak tepat, ia berkemungkinan akan menyebabkan pembatalan sijil ini, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil diubah.
- b) Tempoh Tangguh - Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar sumbangan yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah sijil ini adalah 31 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar. Sijil anda akan luput jika sumbangan yang perlu dibayar tidak diterima dalam tempoh tangguh.
- c) Tempoh Percuma - Anda berhak untuk membatalkan sijil dengan memberikan arahan bertulis kepada Kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil telah diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan sumbangan yang telah diterima. Bagi pembatalan sijil yang diminta oleh orang utama yang dilindungi dalam tempoh percuma, Kami akan menamatkan sijil ini dan mengembalikan jumlah sumbangan telah diterima di bawah pakej keluarga. Sijil ini akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar

sendiri, atau pada tarikh ia diposkan kepada Kami jika dihantar melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika dihantar secara elektronik.

- d) Pakej Keluarga – Penamatan sijil orang utama yang dilindungi akan menamatkan perlindungan sijil bagi ahli-ahli keluarga dibawah pakej keluarga.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap.

7. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

Untuk memastikan manfaat pelan yang berpatutan, pelbagai pengecualian dikenakan ke atas manfaat yang akan dibayar.

- a) Sijil ini tidak akan melindungi sebarang penyakit kritikal akibat:

- i) Keadaan sedia ada;
- ii) Kecederaan diri yang disengajakan ketika siuman;
- iii) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau
- iv) AIDS, jangkitan atau komplikasi berkaitan AIDS yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.

- b) Sijil ini tidak akan melindungi sebarang penyakit kritikal yang didiagnosis:

- i) dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengeluaran sijil; dan
- ii) dalam tempoh 60 hari dari tarikh pengeluaran sijil bagi Kanser, Penyakit Koronari Jantung yang Memerlukan Pembedahan, Serangan Jantung, Sebarang Penyakit Arteri Koronari Serius Yang Lain.

- c) Sijil ini tidak akan melindungi sebarang penyakit berjangkit yang disebabkan oleh:

- i) gejala mana-mana penyakit berjangkit mula kelihatan sebelum atau dalam tempoh 60 hari pertama perlindungan berterusan dari tarikh pengeluaran sijil;
- ii) penyakit berjangkit berpunca secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana keadaan sedia ada;
- iii) sejarah penyalahgunaan dadah, bahan atau alkohol bagi orang yang dilindungi;
- iv) perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara asing, atau pencerobohan; atau kewujudan jangkitan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS)/Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV).

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Sekiranya notis pembatalan bertulis diterima selepas tempoh percuma 15 hari tersebut, tiada pengembalian sumbangan dan tiada nilai serahan akan dibayar di bawah sijil ini.

Bagi pembatalan sijil yang diminta oleh orang utama yang dilindungi di bawah pakej keluarga, Kami akan menamatkan semua sijil di bawah pakej keluarga tanpa mengembalikan sumbangan dan tiada nilai serahan akan dibayar.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama) supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya. Sila menghantar e-mel ke info@etqa.com.my, atau hubungi Etiqa Oneline ditalian 1-300-13-8888.

10. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Oneline dengan menghubungi 1300-13-8888, atau tulis kepada Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau melalui faksimili 03 – 2297 3800; atau menghantar e-mel ke info@etqa.com.my; atau dengan menghubungi 03 – 2297 3888, atau kunjungi www.etqa.com.my. Etiqa Family Takaful Berhad dileSENKEN di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati

Sila rujuk kepada laman web Kami di www.etqa.com.my untuk lain-lain jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

Lampiran1: Senarai penyakit kritikal yang dilindungi

1	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	15	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	29	Distrofi Otot
2	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	16	AIDS Dengan Gejala Penuh	30	Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkit melalui Pekerjaan
3	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	17	Hepatitis Viral Fulminan	31	Kelumpuhan Anggota
4	Tumor otak Benign – keterangan tertentu	18	Serangan Jantung – keterangan tertentu	32	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
5	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih	19	Pembedahan Injap Jantung	33	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterangan tertentu
6	Pembedahan Otak	20	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	34	Penyakit Arteri Koronari Serius
7	Kanser – keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	21	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	35	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
8	Kardiomiopati – keterangan tertentu	22	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	36	Pembedahan Aorta
9	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	23	Hilang Keupayaan Bertutur	37	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
10	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	24	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	38	Penyakit Terminal (Membawa Maut)
11	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	25	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang	39	Kelecuran Tahap Ketiga – keterangan tertentu
12	Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih	26	Penyakit Sistik Medular	40	Kanser Berperingkat Awal
13	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan	41	Penyakit Mental Teruk
14	Kegagalan Hati Tahap Akhir	28	Sklerosis Multipel	42	Komplikasi Diabetes Mellitus

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM SIJIL KELUARGA MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah pada [<issue date>](#).